

## SKEMA MODUL 3 DRAMA CEMERLANG

### STRUKTUR

Bil	Cadangan Jawapan	Pemarkahan
1a)	Drama bangsawan	2m
1b)	Realiti kehidupan masyarakat	2m
	Jumlah	Mak 4m

Bil	Cadangan Jawapan	Pemarkahan
2a)	Monolog dalaman	2m
2b)	Dialog, sapsen	2m
	Jumlah	Mak 4m

### ESEI

Bil	Cadangan Jawapan	Pemarkahan
3a)	<p><b>Pemikiran</b> yang jelas dipaparkan ialah <b>tipu muslihat yang dilakukan oleh penjajah terhadap pemerintah dan rakyat.</b> Contohnya, penjajah Inggeris telah menggunakan tipu muslihat untuk mendapatkan Pulau Pinang daripada Sultan Kedah. Inggeris telah membuat perjanjian dengan Sultan Muhammad Jiwa dan berjanji akan memberikan bantuan ketenteraan kepada kerajaan Kedah daripada serangan Bugis. Namun, Inggeris langsung tidak membantu Kedah apabila Bugis menyerang Kedah. Inggeris juga pernah berjanji dengan Sultan Abdullah untuk melindungi Kedah daripada serangan Siam dan Burma. Namun apabila Siam menyerang Kedah, Light lepas tangan dan enggan membantu Sultan Abdullah. Light menggunakan tipu muslihat untuk menduduki Pulau Pinang dan Seberang Perai yang merupakan wilayah Sultan Kedah.</p>	4m
	Jumlah	Mak 4m

Bil	Cadangan Jawapan	Pemarkahan
3b)	<p>Perbandingan watak Mat Piah dan Mr Blackway.</p> <p><b>Mat Piah seorang bersikap pamarah (panas baran).</b>            Contohnya, Mat Piah menjadi marah dan geram apabila mengetahui peristiwa sebenar bahawa pihak Inggeris menggunakan tipu helah untuk mendapatkan Pulau Pinang daripada Sultan Muhammad Jiwa dan Sultan Abdullah. Mat Piah juga marah kerana fakta sejarah pembukaan Pulau Pinang telah diputarbelitkan. Oleh itu, Mat Piah telah mencekak leher baju Blackway.</p> <p><b>Mr. Blackway digambarkan sebagai seorang lelaki yang berjiwa sentimental.</b>            Contohnya, sewaktu Blackway menaiki beca Mat Piah dan melalui Lebu Light, dia meminta agar Mat Piah memberhentikan becanya seketika. Selepas itu, Blackway turun dari beca dan pergi ke arah papan tanda nama jalan yang bertulis Lebu Light. Blackway merenung dan memegang satu persatu huruf pada papan tanda nama serta begitu bangga akan Light yang dianggapnya sebagai orang yang bertanggungjawab membuka Pulau Pinang.</p>	<p>4m</p> <p>4m</p>
	Jumlah	Mak 8m

Bil	Cadangan Jawapan	Pemarkahan
3c)	<p><b>Kritikan terhadap masyarakat yang tidak mematuhi undang-undang dan peraturan.</b>            Contohnya, sekumpulan mat rempit beraksi di jalan raya dengan menunggang motosikal secara laju. Bunyi motosikal mat rempit menyebabkan Blackway menjadi cemas lalu menjerit dan menyembunyikan diri di belakang beca Mat Piah. Kumpulan Mat Rempit juga beraksi dengan membuat adegan lasak di jalan raya tanpa memedulikan undang-undang dan keselamatan nyawa mereka.</p> <p><b>Kritikan terhadap masyarakat penjajah yang bersifat menindas dan melakukan tipu muslihat terhadap pemimpin serta rakyat.</b> Contohnya, penjajah Inggeris telah menggunakan tipu muslihat untuk mendapatkan Pulau Pinang daripada Sultan Kedah. Inggeris juga telah melakukan penipuan dan pengkhianatan terhadap Sultan Muhammad Jiwa, Sulatan Abdullah dan orang Melayu. Pihak Inggeris</p>	<p>4m</p> <p>4m</p>

	<p>tidak memberikan bantuan kepada Sultan Muhammad Jiwa ketika Bugis menyerang negeri Kedah.</p> <p><b>Kritikan terhadap masyarakat penjajah yang tidak menepati janji.</b> Contohnya, pihak Inggeris telah membuat satu perjanjian dengan Sultan Kedah iaitu Sultan Abdullah. Menerusi perjanjian itu, Inggeris telah berjanji akan melindungi Kedah daripada serangan Siam dan Burma. Namun apabila Siam menyerang Kedah, Light lepas tangan dan enggan membantu Sultan Abdullah. Pihak Inggeris juga menjanjikan pampasan (ganti rugi) sebanyak \$30,000 Dolar Sepanyol kepada Sultan Abdullah tetapi hanya membayar \$6,000 Dolar Sepanyol.</p> <p><b>Kritikan terhadap masyarakat yang hidup berlandaskan keseronokan semata-mata.</b> Contohnya, pada waktu dinihari (waktu antara tengah malam dan subuh), kelihatan kaum lelaki dan perempuan yang berjejeran keluar dari Hotel E&amp;O dengan memakai pelbagai jenis pakaian beragam seperti drakula, pengemis, Robocop, puntianak dan lanun. Mereka juga dalam keadaan separuh mabuk dan tertawa-tawa serta membuat bising.</p>	<p>4m</p> <p>4m</p>
	Jumlah	Mak 8m